

Ringgit kembali stabil akhir 2016

BH 17/2

Pelaksanaan pelbagai langkah untuk membangun dan menangani ketidakseimbangan menjadikan pasaran pertukaran asing domestik lebih stabil menjelang akhir suku keempat tahun lalu.

Bank Negara Malaysia (BNM) berkata, pasaran pertukaran asing domestik juga disokong oleh harga minyak mentah dunia yang lebih kukuh sepanjang tempoh berkenaan.

"Ringgit, bersama-sama mata wang serantau, mulai stabil menjelang akhir suku keempat apabila pasaran kewangan global semakin stabil," kata bank

pusat itu dalam kenyataan mengumumkan prestasi ekonomi 2016 Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Mata wang menyusut

Ringgit dan semua mata wang utama serta serantau menyusut nilai berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) memasuki suku keempat 2016.

BNM berkata, penyusutan nilai didorong khususnya oleh aliran keluar pelaburan portfolio daripada ekonomi sedang pesat membangun dalam keadaan ketidakpastian yang berbangkit daripada keputusan pilihan ra-

ya Presiden AS.

Katanya, jangkaan kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Rizab Persekutuan (Fed) AS pada Disember 2016, serta jangkaan kadar faedah negara itu akan kembali ke paras wajar dalam tempoh lebih pantas tahun ini, memburukkan lagi aliran keluar portfolio di samping menambah tekanan terhadap kebanyakan mata wang utama dan serantau.

"Ringgit juga menghadapi pelarasan tambahan pada suku keempat 2016 berikutan kegiatan spekulasi dalam pasaran

kontrak hadapan tidak diserahkan (NDF)," katanya.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai 7.6 peratus berbanding dolar AS pada suku keempat 2016.

Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan mata wang lain termasuk euro (1.6 peratus), pound sterling (2.4 peratus) dan dolar Australia (2.5 peratus).

Bagaimanapun, nilai ringgit meningkat 6.3 peratus berbanding yen Jepun. Ia menyusut nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, kecuali won Korea, antara 2.1 peratus hingga 5.6 peratus.